



24 Julai 2026
24 July 2026
P.U. (B) 254

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

NOTIS DI BAWAH SEKSYEN 70

NOTICE UNDER SECTION 70

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

NOTIS DI BAWAH SEKSYEN 70

Menteri Kerja Raya bercadang untuk membuat suatu perintah di bawah seksyen 70 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], yang kesannya akan melarang pemanduan kenderaan di atas bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, melainkan di atas jalan arah yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama.


Pengecualian daripada larangan itu hendaklah diberikan bagi maksud dan dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

Bantahan terhadap cadangan itu, jika ada, mestilah dihantar secara bertulis kepada Pengarah, Cawangan Senggara Fasiliti Jalan, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia, Tingkat 2 Blok D (Lama), Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur atau melalui e-mel ke machang@jkr.gov.my, pada atau sebelum 31 Julai 2026.

JADUAL PERTAMA

(1)	(2)	(3)
Jalan yang baginya larangan terpakai	Jalan arah	Tempoh larangan
Sebahagian Laluan 8, Jalan Gua Musang- Kota Bharu bermula dari seksyen 348.10 hingga seksyen 350.20 sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	Kenderaan dari Kuala Krai ke Kota Bharu dan Tanah Merah dan sebaliknya hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	7 Ogos 2026 hingga 30 September 2026

JADUAL KEDUA



JADUAL KETIGA

PENGECUALIAN

1. Bagi maksud penyelenggaraan, pembaikan, peningkatan, pembersihan dan pemugaran bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama.
2. Bagi maksud pemacakan, pemasangan, penyelenggaraan, pengubahan atau pengalihan mana-mana struktur, kerja, peralatan atau apa-apa jua benda di dalam, pada, di bawah atau di atas bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama.
3. Bagi maksud perkhidmatan kecemasan dan penguatkuasaan oleh agensi Kerajaan dan pihak berkuasa tempatan.

Bertarikh 23 Julai 2026

[KKR.100-1/2/79 Jld.11; PN(PU2)460/JLD.143]

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
Menteri Kerja Raya

ROAD TRANSPORT ACT 1987

NOTICE UNDER SECTION 70

The Minister of Works proposes to make an order under section 70 of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the effect of which will be to prohibit the driving of vehicles on the part of the road specified in column (1) of the First Schedule as shown on the map in the Second Schedule, otherwise than on the routes specified in column (2) of the First Schedule, for the period specified in column (3) of the First Schedule.


Exemption from such prohibition shall be given for the purposes and in circumstances specified in the Third Schedule

Objections to the proposal, if any, must be sent in writing to the Director, Road Facilities Maintenance Branch, Public Works Department Malaysia Headquarters, Level 2 Block D (Old), Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur or by email to machang@jkr.gov.my, on or before 31 July 2026.

FIRST SCHEDULE

(1) Road to which prohibition applies	(2) Routes	(3) Prohibition period
Part of Route 8, Gua Musang-Kota Bharu Road starting from section 348.10 to section 350.20, as shown on the map in the Second Schedule	Vehicles from Kuala Krai to Kota Bharu and Tanah Merah and <i>vice versa</i> shall use alternative road as shown on the map in the Second Schedule	7 August 2026 to 30 September 2026

SECOND SCHEDULE



THIRD SCHEDULE

EXEMPTION

1. For the purposes of maintenance, repair, improvement, cleaning and clearance of the part of road specified in column (1) of the First Schedule.
2. For the purposes of erection, installation, maintenance, alteration or removal of any structure, works, apparatus or anything in, on, under or over the part of the road specified in column (1) of the First Schedule.
3. For the purposes of emergency services and enforcement by the Government agencies and local authorities.

Dated 23 July 2026

[KKR.100-1/2/79]ld.10; PN(PU2)460/JLD.143]

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
Minister of Works